

(13-7-2021) Harian Metro P12

MAIWP **santuni** golongan terjejas

Agih 1,350 pek makanan keperluan asas menerusi dana zakat wakalah PPZ-MAIWP di 2 lokasi PKPD

Kuala Lumpur

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) secara konsisten menyantuni golongan terjejas di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Wilayah Persekutuan menerusi program MAIWP Prihatin Kasih Asnaf 3.0.

Unit Komunikasi Korporat MAIWP dalam satu kenyataan berkata, penyerahan sumbangan disampaikan Pengerusi MAIWP, Datuk Dr Mohd Daud Bakar kepada wakil ketua penduduk yang hadir bagi dua kawasan PKPD di Lembah Pantai dan Taman Ikan Emas, baru-baru ini.

Sebanyak 1,350 pek makanan keperluan asas diagihkan menerusi dana zakat wakalah PPZ-MAIWP bernilai RM150 setiap satu.

Program sumbangan siri ke-3 MAIWP itu turut mendapat perhatian Pengerusi Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) Tan Sri Jamaludin Ibrahim yang juga penyumbang dana wakalah ini.

Selain beliau, turut menyampaikan sumbangan wakalah ialah wakil dari Richworks International Sdn Bhd (Richwork) Suley Nordyana Yahya yang menyum-



DR Mohd Daud (depan, tiga dari kiri) dan pengurusan kanan MAIWP turun padang menyampaikan sumbangan di kawasan PKPD Wilayah Persekutuan.

bang 400 set barangan keperluan asas seperti beras, tepung, minyak dan gula.

Turut hadir pada program penyerahan sumbangan itu ialah Pengarah Jawi merangkap Setiausaha MAIWP Datuk Mohd Ajib Ismail, Pemangku Ketua

Pegawai Eksekutif MAIWP Mohd Nizam Yahya dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP Abdul Hakim Amir Osman. Orang

ramai mempunyai maklumat individu memerlukan sumbangan di Wilayah Persekutuan boleh melaporkannya kepada MAIWP. Lapo-

ran boleh dibuat menerusi aplikasi telefon pintar Mobil Jejak Asnaf (MoJA) bagi memudahkan Skwad Jejak Asnaf Baitulmal-MAIWP turun padang membantu mereka.

Manakala bagi orang awam yang layak menunai-

kan zakat disarankan untuk menunaikan tanggungjawab berzakat terbabit di www.zakat.com.my ataupun menerusi aplikasi MyZakat bagi membantu lebih ramai yang memerlukan sewaktu pandemik ini.

Pek makanan keperluan asas bernilai RM150 setiap satu